



→ Kegagalan untuk memastikan kehadiran anda ke Mahkamah secara konsisten, akan menyebabkan waran tangkap dan notis kepada penjamin dikeluarkan kepada tertuduh dan penjamin. Jaminan tersebut boleh dibatalkan dan wang jaminan boleh dirampas oleh Mahkamah. Selain itu, penjamin juga boleh menarik balik jaminan tersebut dan menarik diri dari menjadi penjamin sekiranya diizinkan oleh Mahkamah.

PROSES PERBICARAAN

→ Proses perbicaraan kes trafik akan bermula dengan pihak pendakwa memanggil saksi-saksi dan mengemukakan dokumen-dokumen untuk membuktikan kesalahan yang didakwa. Jika kes gagal dibuktikan, tuduhan boleh dibuang dan anda akan dilepaskan dan dibebaskan. Jika pihak pendakwa berjaya membuktikan kesalahan, anda akan dipanggil untuk membela diri.

→ Di peringkat pembelaan, anda hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan dan


memanggil saksi anda. Anda akan diminta untuk berhujah pada akhir proses pembelaan bagi merumuskan kesimpulan pembelaan anda.

→ Jika di akhir kes, Mahkamah memutuskan bahawa anda bersalah, hukuman akan dijatuhkan mengikut kesalahan tersebut. Anda akan dilepas dan dibebaskan sekiranya pembelaan anda menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan.



www.kehakiman.gov.my

KESALAHAN TRAFIK



Untuk maklumat lanjut sila hubungi
Bahagian Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa,
Mahkamah Persekutuan Malaysia, Ais 2, Peringkat 3, Istana Kehakiman,
42506 Putrajaya, Malaysia.
Tele: 603-8880 3500 Faks: 603 - 8880 4017
info@kehakiman.gov.my
Fonitext ini boleh dimuat turun dari laman sesawang www.kehakiman.gov.my

APA ITU KESALAHAN TRAFIK?

➔ Kesalahan trafik adalah kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) atau Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715).

➔ Di bawah Akta Pengangkutan Jalan, denda minimum untuk sesetengah kesalahan adalah RM300.00 seperti kesalahan tidak memiliki lesen memandu manakala untuk kesalahan-kesalahan yang lain boleh mencapai sehingga RM20,000.00 mengikut kesalahan yang dilakukan. Kenderaan anda juga boleh disita dan dilucuthak. Bagi kesalahan-kesalahan yang serius, anda boleh dipenjarakan sehingga 10 tahun dan lesen anda boleh dibatalkan atau digantung sekurang-kurangnya 12 bulan.

➔ Di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat yang bertujuan untuk mengawalselia pengangkutan awam darat antaranya pelesenan terminal dan pelesenan pengendali pengangkutan awam, terdapat denda maksima antaranya di bawah Seksyen 234 (b) adalah RM200,000.

JENIS-JENIS KESALAHAN

➔ Di dalam Akta-Akta ini, kesalahan yang dilakukan boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

1. Saman Boleh Dikompaun

Anda boleh membayar kompaun tersebut sebelum luputnya tarikh yang telah ditetapkan di dalam notis JPJ(P)22Pin.1/94 dan Polis 257 Pin.4/95 yang telah diterima oleh anda sewaktu saman dikeluarkan. Jika tarikh kompaun telah tamat, anda dikehendaki hadir ke Mahkamah untuk perbicaraan. Waran tangkap akan dikeluarkan sekiranya anda gagal menghadirkan diri.

2. Saman Tidak Boleh Dikompaun

Kehadiran anda di Mahkamah adalah diwajibkan. Sekiranya anda tidak hadir pada tarikh yang telah ditetapkan, waran tangkap akan dikeluarkan terhadap anda.

3. Kesalahan yang Boleh Ditangkap

Kesalahan ini adalah seperti memandu secara merbahaya dan menyebabkan kematian / memandu secara melulu dan merbahaya / memandu ketika di bawah pengaruh alkohol. Bagi kesalahan ini, anda boleh ditahan reman oleh pihak berkuasa bagi tempoh 3 hari untuk kali pertama dan 4 hari bagi kali kedua untuk disoal siasat sebelum anda di bawa ke Mahkamah untuk perbicaraan.

APA YANG ANDA PERLU LAKUKAN DI MAHKAMAH?

➔ Setelah kes anda dipanggil, jurubahasa Mahkamah akan membacakan pertuduhan dan hukuman yang boleh dikenakan mengikut kesalahan yang didakwa. Anda mempunyai dua pilihan iaitu:-

1. Mengaku salah; atau
2. Mengaku tidak bersalah.

➔ Jika anda mengaku salah, Mahkamah akan memberikan peluang kepada anda untuk membuat rayuan terhadap hukuman dan seterusnya menjatuhkan hukuman bagi kesalahan yang didakwa.

➔ Sekiranya anda mengaku tidak bersalah bagi kesalahan yang tidak boleh dikompaun / yang boleh ditangkap, jaminan akan ditawarkan kepada anda sementara menunggu tarikh sebutan baru atau tarikh bicara.

➔ Anda boleh merayu agar wang jaminan minimum ditawarkan. Anda perlu membawa penjamin (selalunya ahli keluarga) yang dapat membayar wang jaminan dan dapat menjamin kehadiran anda pada tarikh-tarikh Mahkamah yang akan datang.